

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [GERIK]

TARIKH : 11 JUN 2015

RUJUKAN : 7952

SOALAN:

Dato' Hasbullah Bin Osman [Gerik] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sejak kebelakangan ini pengawal-pengawal keselamatan menjadi sasaran rompakan dan gengsterisme:-

- (a) Berapakan jumlah kecederaan yang melibatkan kematian dan cedera parah dalam tempoh 5 tahun kebelakangan ini; dan
- (b) serta apakah usaha-usaha pihak Kementerian bagi memastikan kemalangan tersebut dapat dikurangkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (a), Kementerian Dalam Negeri tidak mempunyai rekod jumlah kecederaan yang melibatkan kematian dan cedera parah yang melibatkan pengawal keselamatan dalam tempoh 5 tahun kebelakangan ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (b) pula, pada masa ini, Kementerian Dalam Negeri telah melaksanakan program latihan kepada semua pengawal keselamatan bagi meningkatkan kefahaman dan kecekapan semasa mereka menjalankan tugas menerusi Program Latihan *Certified Security Guards* (CSG). Program Latihan CSG merangkumi modul-modul seperti berikut:

- a. Pertahanan diri;**
- b. Latihan cota dan *t-baton*;**
- c. Ancaman dadah dan tindakan perundangan;**
- d. Membuat laporan polis;**
- e. Tatacara memberikan keterangan di mahkamah;**
- f. Pengenalan asas kepada senjata api;**
- g. Kaedah rondaan dan penyediaan laporan; dan**
- h. Pencegahan kebakaran dan pertolongan cemas.**

Tuan Yang di-Pertua,

Selain daripada itu juga, Polis DiRaja Malaysia (PDRM) turut menubuhkan seksyen kawalan keselamatan di bawah Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK) bagi melaksanakan rondaan, pemeriksaan dan perlindungan kepada pengawal keselamatan.

Syarikat-syarikat kawalan keselamatan juga bertanggungjawab untuk memastikan peralatan yang secukupnya dibekalkan kepada pengawal keselamatan mereka untuk tujuan perlindungan diri semasa bertugas. Dengan usaha-usaha yang telah dijalankan ini, saya yakin kemalangan di tempat kerja dapat dikurangkan semasa mereka bertugas.